



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 23 APRIL 2022**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------------------|---|---|
| 1. 2. 3. | KEKALKAN TRADISI, MAFI EDAR 1,500 BEKAS BUBUR LAMBUK, UM -ONLINE LOCAL AGRICULTURAL PRODUCTS SHOW PROMISE IN ENTERING INTERNATIONAL MARKETS, CHINA PRESS -ONLINE JENAMA TUNGGAL BANTU PRODUK AGROMAKANAN TEMBUSI ANTARABANGSA, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 4. 5. 6. 7. | HARUMANIS PERLIS: KARNIVAL JUALAN TERUS DARI LADANG DI AEON AU2, BERNAMA -ONLINE HARUMANIS PERLIS: KARNIVAL JUALAN TERUS DARI LADANG DI AEON AU2, BERNAMA -ONLINE KARNIVAL JTDL HARUMANIS SASAR JUALAN RM150,000, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE TART HARUMANIS KUIH RAYA PALING "RARE" TAHUN INI, SUARA MERDEKA -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|---------|------------|
| 23/4/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

Kekalkan tradisi, MAFI edar 1,500 bekas bubur lambuk



Timbalan Ketua Setiausaha MAFI merangkap Presiden Kelab MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd (kiri) hadir memeriahkan majlis agihan Bubur Lambuk kepada warga MAFI, semalam.

PETALING JAYA: Mengekalkan amalan tradisi tahunan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sekali lagi berjaya menganjurkan program agihan bubur lambuk semalam.

Timbalan Ketua Setiausaha MAFI merangkap Presiden Kelab MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, pihaknya cuba untuk mengekalkan tradisi itu dan berjaya dilaksanakan dalam fasa negara menuju endemik selain mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

“Program Agihan Bubur Lambuk pada tahun ini merupakan suatu program anjuran Kelab MAFI dan Pusanita dengan kerjasama Agrobank dan *CommerceDotCom*.

“Dijangkakan sebanyak 1,500 bekas bubur lambuk telah sedia untuk diagihkan kepada warga MAFI, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Mengulas lanjut berkaitan juadah simbolik Ramadan itu, beliau memberitahu, cara masakan di setiap negeri adalah berbeza dan merupakan salah satu keunikan dalam Keluarga Malaysia.

“Bubur lambuk juga diangkat sebagai simbolik Ramadhan kerana pengzahiran amalan pengagihan bubur lambuk ini dilaksanakan di seluruh Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum dan agama.

“Saya berharap penganjuran program seperti ini boleh menjadi wadah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara warga kerja MAFI,” tambahnya lagi. – UTUSAN



23 APR, 2022

Local agricultural products show promise in entering international markets

China Press, Malaysia

Page 1 of 2



日本的挥旗仪式。
罗南建迪（左）主持农产品送往

本地農業品有望打入國際市場

（吉隆坡22日讯）农业及食品工业部长拿督罗南建迪指出，在大马出口管理公司（MyEMC）倡议下的单一品牌授权，本地更多农业产品有望将通过公私战略合作，打入国际市场。

他说，在此倡议下，可通过加强大马公司，在海外作为“大马出口管理公司”的作用，开拓国际市场努力，也将得到巩固。

“这项计划是一项公私战略合作，相关行业参与者包括制造商、出口商、海外进口商和海外营销商都参与其中。”

“它旨在解决市场突破、营销及在进口国推广农产品的问题。”

罗南建迪今日出席农产品送往日本的挥旗仪式后，召开记者会这么指出。此挥旗仪式由SD Impex Japan公司举办，出席者包括联邦农业销售局总监拿督再纳阿

比丁，和农业及食品工业部商业发展和投资司（BDI）秘书卡立依布拉欣。

他指出，该部日前专注加强日本、阿联酋和泰国南部的3个“大马出口管理公司”。

他说，通过BDI与SD Impex Japan公司合作，监督在日本东京的农业谘询办公室，成功增加992箱的出口，涉及36个库存单位，包括超过5万个即食、即饮和即煮产品。

他也说，与去年的12亿1000万美元（约51亿8000万令吉）相比，该合作间接促进今年大马和日本之间的农产品贸易额，进一步促进国家复苏和海外市场接近大马品牌的产品。

“截至今年4月，日本共有70个精选农产品库存单位，涉及当地中小企业的各种制造商和企业家，而最初在2020年推出倡议时，只有12个库存单位。”



23 APR, 2022

Local agricultural products show promise in entering international markets

China Press, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

本地農業品有望打入國際市場 (吉隆坡22日訊) 农业及食品工业部长拿督斯罗南建迪指出，在大马出口管理公司 (MyEMC) 倡议下的单一品牌授权，本地更多农业产品有望将通过公私战略合作，打入国际市场。他说，在此倡议下，可通过加强大马公司，在海外作为“大马出口管理公司”的作用，开拓国际市场努力，也将得到巩固。“这项计划是一项公私战略合作，相关行业参与者包括制造商、出口商、海外进口商和海外营销商都参与其中

23 APR, 2022

Jenama tunggal bantu produk agromakanan tembusi antarabangsa

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

Jenama tunggal bantu produk agromakanan tembusi antarabangsa

Usaha penerokaan pasaran antarabangsa dikonsolidasikan melalui pengukuhan peranan syarikat Malaysia sebagai EMC Malaysia di luar negara: Ronald

KUALA LUMPUR: Lebih banyak produk industri asas tani (agromakanan) negara dijangka menembusi pasaran antarabangsa melalui kolaboratif strategik awam-swasta menerusi pemerksaan single branding (jenama tunggal) di bawah inisiatif Malaysian Export Management Company - EMC (MyEMC).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, di bawah inisiatif itu, usaha penerokaan pasaran antarabangsa dikonsolidasikan melalui pengukuhan peranan syarikat Malaysia sebagai EMC Malaysia di luar negara.

"Inisiatif ini merupakan kolaboratif strategik awam-swasta dengan penglibatan pemain industri berkaitan yang terdiri daripada usahawan pengeluar, pengeksport, pengimport luar negara dan pemasar di luar negara.

"Ia bertujuan untuk mengatasi permasalahan penembusan pasaran, pemasaran

“Ia bertujuan untuk mengatasi permasalahan penembusan pasaran, pemasaran dan juga promosi produk agromakanan di sesebuah negara pengimport.”

Datuk Seri Dr Ronald Kiang
Menteri Pertanian dan Industri Makanan

dan juga promosi produk agromakanan di sesebuah negara pengimport," katanya selepas sesi flag off pengeksportan produk agromakanan ke Jepun di sini semalam.

Sesi Flag Off yang dilaksanakan EMC di Jepun iaitu SD Impex Japan Co., Ltd. itu turut dihadiri oleh Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razali dan Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Khalid Ibrahim.

Beliau berkata, buat masa

ini, MAFI memfokuskan pengukuhan tiga EMC masing-masing di Jepun, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Selatan Thailand.

"Untuk itu, MAFI juga mempelawa mana-mana syarikat pengeluar dan usahawan tempatan yang ingin menjalinkan kerjasama dengan MAFI di bawah inisiatif jenama tunggal MyKitchen bagi penembusan pasaran global di negara-negara lain," katanya.

Beliau berkata, melalui Pejabat Penasihat Pertanian (PPP) di Tokyo, Jepun, yang dipantau BDI, kerjasama strategik bersama SD Impex

23 APR, 2022

Jenama tunggal bantu produk agromakanan tembusi antarabangsa

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3



PERASMIAN: Ronald menyempurnakan 'flag off' pada Majlis Flag Off Pengeksportan Produk Agromakanan ke Jepun di Ibu Pejabat FAMA, Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

Japan Co., Ltd berjaya meningkatkan jumlah eksport sebanyak 992 kanton melibatkan 36 Stock Keeping Unit (SKU) terdiri daripada lebih 50,000 unit produk Ready to Eat (RTE), Ready to Drink (RTD) dan Ready to Cook (RTC).

Ia adalah keluaran 13 syarikat pengeluar dan usahawan seluruh negara dan diletakkan di bawah jenama tunggal

MyKitchen, katanya.

Beliau berkata, kejayaan itu secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan nilai perdagangan agromakanan antara Malaysia dan Jepun tahun ini berbanding AS\$1.21 bilion (RM5.18 bilion) dicatatkan tahun lepas seterusnya menyumbang kepada trend pemulihan dan akses pasaran



SEBAGAI KENANGAN: Ronald (tengah) bergambar bersama barangan produk agromakanan pada Majlis Flag Off Pengeksportan Produk Agromakanan ke Jepun di Ibu Pejabat FAMA, Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

luar negara kepada produk jenama Malaysia," katanya.

Katanya, setakat April ini, sebanyak 70 SKU produk agromakanan terpilih melibatkan pelbagai syarikat pengeluar dan usahawan di bawah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan telah dipromosi dan dipasarkan di Jepun, berbanding hanya 12 SKU semasa inisiatif itu mula

diperkenalkan pada 2020.

Terdahulu Ronald menyaksikan sesi menandatangani memorandum persefahaman (MOU) SD Impex Japan Co., Ltd. dengan usahawan agromakanan bagi promosi dan pemasaran produk itu di Jepun sekali gus memperkukuh jenama MyKitchen dan MyKitchen Fresh di negara matahari terbit itu. — Bernama



23 APR, 2022

Jenama tunggal bantu produk agromakanan tembusi antarabangsa

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

Usaha penerokaan pasaran antarabangsa dikonsolidasikan melalui pengukuhan peranan syarikat Malaysia sebagai EMC Malaysia di luar negara: Ronald

PERASMIAN: Ronald menyempurnakan 'flag off' pada Majlis Flag Off Pengeksportan Produk Agromakanan ke Jepun di Ibu Pejabat FAMA, Kuala Lumpur semalam. — Gambar fiemama

SEBAGAI KENANGAN: Ronald (tengah) bergambar bersama barangan produk agromakanan pada Majlis Flag Off Pengeksportan Produk Agromakanan ke Jepun di Ibu Pejabat FAMA, Kuala Lumpr semalam. — Gambar Bemama

Japan Co.

Harumanis Perlis: Karnival Jualan Terus Dari Ladang di AEON AU2



Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Perlis Nurulhisham Yaakob mengunjungi gerai jualan mangga harumanis selepas merasmikan Karnival Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Mangga Harumanis Perlis 2022 di Pasaraya AEON AU2 Setiawangsa.

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) – Penggemar mangga harumanis di ibu negara kini berpeluang membeli dan menikmati kelazatan buah ikon negeri Perlis itu dengan harga ladang pada Karnival Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Mangga Harumanis Perlis 2022 di Pasaraya AEON AU2 Setiawangsa di sini.

Karnival tiga hari anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis yang bermula semalam itu bertujuan membawa harumanis khas dari Perlis kepada penggemarnya di sini.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Perlis Nurulhisham Yaakob berkata keistimewaan karnival kali ini adalah harga promosi ladang kepada pembeli setelah karnival seumpama itu tidak dilaksanakan sejak dua tahun lepas berikutan penularan wabak COVID-19 yang melanda negara.

"Yang istimewanya kita boleh jual (mangga harumanis) secara terus dan pengunjung yang hadir juga boleh mempelajari dan mengenali sendiri harumanis yang dikeluarkan dari Perlis, dari segi saiz, bentuk buah, rasa serta kelazatannya," katanya pada sidang media di karnival itu di sini hari ini.

Ketika ditanya mengenai perancangan untuk memperluaskan karnival berkenaan di negeri-negeri lain, Nurulhisham berkata setakat ini karnival itu hanya akan dianjurkan di Lembah Klang sahaja susulan bekalan harumanis yang terhad.

Turut hadir pada karnival itu Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA Datuk Mohamad Mustahapa Awang dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Sementara itu, pengusaha gerai Syazwan Azri Harumanis, Syazwan Azri Samudin, 29, berkata pada karnival itu mereka menawarkan harumanis terus dari ladang dengan harga mampu milik kepada pelanggan.

Katanya, buah ikonik di reruainya itu dijual dengan harga RM25 bagi satu kilogram, berbeza dengan harga pasaran yang kebiasaannya dijual sekitar RM110 sehingga RM 140 bagi 3kg.

"Setakat hari ini, Alhamdulillah sambutan memberangsangkan. Saya berharap agar karnival ini menerima sambutan lebih tinggi pada hari esok, selain (karnival ini) diperluaskan pada masa hadapan," katanya ketika ditemui Bernama di reruainya hari ini.

Berkongsi keterujaan, seorang pekerja swasta Mohd Khairul Effendi, 37, yang turut mengambil peluang mengunjungi reruai di karnival itu berkata beliau sudah lama tidak merasai kelazatan buah harumanis susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlanjutan sebelum ini.

Sebelum ini saya dan keluarga bercadang ke Perlis untuk melancong dan membeli buah harumanis ini tapi tiada rezeki akibat COVID-19. Jadi karnival ini sedikit sebanyak memenuhi hasrat untuk mendapatkan buah mangga harumanis ini," katanya.

Terdapat kira-kira 20 reruai yang beroperasi di karnival berkenaan yang dilihat rata-rata pengunjungnya tidak melepaskan peluang membeli buah ikonik negeri Perlis serta produk-produk lain seperti durian, kerepek dan kuih-muih yang ditawarkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 23/4/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Harumanis Perlis: Karnival jualan terus dari ladang di AEON AU2



Penggemar mangga harumanis di ibu negara berpeluang membeli dan menikmati kelazatan buah itu dengan harga ladang pada Karnival Jualan Terus Dari Ladang di Pasaraya AEON AU2, Setiawangsa.

KUALA LUMPUR - Penggemar mangga harumanis di ibu negara kini berpeluang membeli dan menikmati kelazatan buah ikon negeri Perlis itu dengan harga ladang pada Karnival Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Mangga Harumanis Perlis 2022 di Pasaraya AEON AU2, Setiawangsa di sini.

Karnival tiga hari anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis yang bermula semalam itu bertujuan membawa harumanis khas dari Perlis kepada pengemarnya di sini.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Perlis Nurulhisham Yaakob berkata, keistimewaan karnival kali ini adalah harga promosi ladang kepada pembeli setelah karnival seumpama itu tidak dilaksanakan sejak dua tahun lepas berikutan penularan wabak Covid-19 yang melanda negara.

"Yang istimewanya kita boleh jual (mangga harumanis) secara terus dan pengunjung yang hadir juga boleh mempelajari dan mengenali sendiri harumanis yang dikeluarkan dari Perlis, dari segi saiz, bentuk buah, rasa serta kelazatannya," katanya pada sidang media di karnival itu di sini hari ini.

Ketika ditanya mengenai perancangan untuk memperluaskan karnival berkenaan di negeri-negeri lain, Nurulhisham berkata setakat ini karnival itu hanya akan dianjurkan di Lembah Klang sahaja susulan bekalan harumanis yang terhad.

Turut hadir pada karnival itu Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA Datuk Mohamad Mustahapa Awang dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Sementara itu, pengusaha gerai Syazwan Azri Harumanis, Syazwan Azri Samudin, 29, berkata, pada karnival itu mereka menawarkan harumanis terus dari ladang dengan harga mampu milik kepada pelanggan.

Katanya, buah ikonik di reruainya itu dijual dengan harga RM25 bagi satu kilogram, berbeza dengan harga pasaran yang kebiasaannya dijual sekitar RM110 sehingga RM 140 bagi 3kg.

"Setakat hari ini, Alhamdulillah sambutan memberangsangkan. Saya berharap agar karnival ini menerima sambutan lebih tinggi pada hari esok, selain (karnival ini) diperluaskan pada masa hadapan," katanya ketika ditemui Bernama di reruainya hari ini.

Berkongsi keterujaan, seorang pekerja swasta Mohd Khairul Effendi, 37, yang turut mengambil peluang mengunjungi reruai di karnival itu berkata beliau sudah lama tidak merasai kelazatan buah harumanis susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlanjutan sebelum ini.

Sebelum ini saya dan keluarga bercadang ke Perlis untuk melancong dan membeli buah harumanis ini tapi tiada rezeki akibat Covid-19. Jadi karnival ini sedikit sebanyak memenuhi hasrat untuk mendapatkan buah mangga harumanis ini," katanya.

Terdapat kira-kira 20 reruai yang beroperasi di karnival berkenaan yang dilihat rata-rata pengunjunnya tidak melepaskan peluang membeli buah ikonik negeri Perlis serta produk-produk lain seperti durian, kerepek dan kuih-muih yang ditawarkan. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|------------------|---------|------------|
| 23/4/2022 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

Karnival JTDL Harumanis sasar jualan RM150,000



Exco Pertanian dan Perindustrian Negeri Perlis, Nurulhisham Yaakob (kiri) melawat ke gerai jualan harum manis ketika hadir Karnival Harumanis Perlis di Pasaraya Aeon AU2 Setiawangsa, Kuala Lumpur. Foto AMIRUL SHAUFIQ, 23 APRIL 2022.

KUALA LUMPUR – Karnival Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Harumanis Perlis 2022 yang diadakan di sini selama dua hari menyasarkan jualan sebanyak RM150,000 dengan jangkaan

pengunjung antara 3,000 hingga 5,000 orang pada hujung minggu ini.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kerjasama kerajaan negeri Perlis menganjurkan karnival selama dua hari itu di pusat beli belah AEON Setiawangsa disertai 20 usahawan.

Turut dipasarkan pada karnival tersebut produk makanan berasaskan mangga iaitu jeruk, pulut dan coklat.



Antara buah harum manis yang dijual di Karnival Harumanis Perlis di Pasaraya Aeon AU2 Setiawangsa, Kuala Lumpur. Foto AMIRUL SHAUFIQ, 23 APRIL 2022.

MalaysiaGazette difahamkan pengeluaran mangga harumanis pada tahu ini berkurangan kepada 1,400 metrik tan (mt) berbanding 2800 mt pada 2021 berikutan cuaca tidak menentu serta taburan hujan yang tinggi di Perlis.

Mangga harumanis memiliki kualiti premium dengan isi yang lebih manis dan bersari selain aromanya berbeza daripada mangga jenis lain.



Exco Pertanian dan Perindustrian Negeri Perlis, Nurulhisham Yaakob melancarkan gimik sempena Karnival Harum Manis Perlis di Pasaraya Aeon AU2 Setiawangsa, Kuala Lumpur. Foto AMIRUL SHAUFIQ, 23 APRIL 2022.

Exco Pertanian dan Asas Tani Perlis, Nurulhisham Yaakob berharap lebih ramai pengunjung JTDL membeli mangga harumanis.

Sebelum ini, Nurulhisham mencadangkan marumanis mangga harumanis gred A dijual pada harga RM35 sekilogram (kg), gred B (RM30/kg) dan gred C (antara RM25 hingga RM15/kg).

“Faktor cuaca yang tidak menentu dan kenaikan kos pertanian menyebabkan harga mangga Harumanis meningkat sebanyak 10 peratus berbanding musim lalu.

“Orang ramai juga boleh membeli harumanis secara pakej iaitu RM110 sekotak dengan berat tiga kilogram bagi premium A dan RM185 bagi berat lima kilogram. Manakala bagi gred premium B, sekotak harumanis dengan berat tiga kilogram dijual pada harga RM95 dan RM160 bagi berat lima kilogram,” katanya.

Dalam pada itu, pelbagai inisiatif juga telah di ambil bagi memastikan petani dapat memasarkan mangga harumanis ke peringkat lebih tinggi dan tidak berlaku lambakan di pasaran. –

MalaysiaGazette

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 23/4/2022 | SUARA MERDEKA | ONLINE | |

Tart Harumanis kuih raya paling “rare” tahun ini

RASANYA kuih raya yang paling “rare” tahun ini jatuh kepada tart harumanis.

Sama seperti “rare” nya mangga harumanis apabila ia hanya sesuai hidup subur dan berbuah di Perlis sahaja.



Kata pembuat tart harumanis ini juga, rupanya ia juga berbeza seperti tart sedia ada yang biasanya inti jemnya di atas atau digulung.

Inshirah Hayati Zarrim, 33 berkata, cabaran hendak membuat tart harumanis sudah bermula dari memasaknya untuk dibuat jem.



“Buah harumanis ini bukan seperti nanas, tidak ada serat yang boleh membantu memekatkan sekalipun ada tambahan bahan lain,” katanya yang mengusahakan kedai bahu di Gerai Pertubuhan Peladang Bintong (PPK) Bintong di Persiaran Makanan Bintong, Jalan Raja Syed Saffi, Kangar, Perlis.

Beliau akui beberapa kali gagal menghasilkan jem harumanis yang pekat dan sesuai dibentukkan bulat bagi dijadikan inti tart.

“Sebenarnya untuk 15 kilogram isi harumanis ini perlu dimasak sehingga lima jam baharu ia tahan lama dan boleh dibentuk bulat,” katanya yang juga dibantu adik bongsunya, Nur Nabifah, 21.

Selain itu katanya, ketika peringkat membentuk rupa tart juga mencabar kerana tiada acuan yang sesuai digunakan kecuali untuk daun.



Beliau berkata, dari idea ibunya, Sofiah Hamid, 55 akhirnya terjadilah tart ini yang dibentukkan seperti mangga harumanis.

“Kalau lihat bawah buah macam bertanduk, itulah identiti mangga harumanis,” katanya.

Katanya, bahagian membentuk secara “manual” ini memang mengambil masa sehingga menyebabkan pengeluaran tart harumanis terhad.

Beliau berkata, ketika membentuk juga perlu berhati-hati supaya jem tidak terkeluar dari pastri.

Inshirah Hayati berkata, beliau mula membuat tart nanas sejak bulan puasa tahun lalu.

Bagaimanapun katanya, tempahan juga masih terhad memandangkan harumanis buah yang bermusim.

Katanya, dia menjual sebalang tart harumanis yang mengandungi 25 biji dengan harga RM28.

Setakat bulan ini, sebanyak 200 balang telah ditempah khas oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis untuk dibawa ke Kuala Lumpur sempena jualan harumanis.

“Saya sekarang hanya menyiapkan untuk orang persendirian yang menempah bagi menyambut Aidilfitri,” katanya mengakhiri perbualan. – SM